

## UMS, Maybank anjur program 'Maybank Funancial Day'

UB 02.07.2024 P.02

KOTA KINABALU: Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Maybank telah mengadakan Program 'Maybank Funancial Day' baru-baru ini.

Timbalan Pengarah PKPKP, Dr. Nur Thara Atikah Zainal, berkata program itu bertujuan meningkatkan kesedaran kewangan dalam kalangan pelajar dan golongan muda sebagai persiapan memasuki alam kerjaya.

Katanya, adalah pent-

ing untuk para pelajar dan graduan baharu mempunyai impian mencapai kebebasan kewangan tanpa mengira latar belakang sosial dan ekonomi.

"Penganjuran program ini juga sebagai platform mengukuhkan kerjasama industri dan universiti dalam usaha meningkatkan pengetahuan mengenai kewangan serta memberi peluang kepada kebolehpasaran graduan negeri Sabah.

"Bakal graduan perlu mempersiapkan diri dengan

ilmu berkaitan pengurusan kewangan selain memastikan resume dan grooming diri yang baik sebelum melangkah ke alam kerjaya," katanya.

Sebanyak 145 peserta menyertai program tersebut yang terdiri daripada pelajar dan alumni UMS.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti cabutan bertuah, bengkel persediaan kerjaya, ceramah penyediaan resume serta tip temu duga agensi kewangan.



ALBUM: Sebahagian peserta yang menyertai program 'Maybank Funancial Day' baru-baru ini.